



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM SUBSIDI UPAH 2.0
(PSU2.0) SISTEM INSURANS PEKERJAAN PERKESO OLEH MAJIKAN DI
BAWAH KERANGKA INISIATIF TAMBAHAN PAKEJ RANGSANGAN
EKONOMI (KITA PRIHATIN)**

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini bertujuan memaklumkan mengenai prosedur pelaksanaan Bantuan Kewangan RM600 bagi tempoh 3 bulan lanjutan permohonan sedia ada dan bantuan 6 bulan bagi permohonan baharu mulai 1 Oktober 2020 setiap pekerja tetapi terhad kepada 200 orang pekerja sahaja di bawah Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi (KITA PRIHATIN)

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Program Subsidi Upah (PSU) di bawah PRE 2020 pada 27 Mac 2020. Kerajaan memperkenalkan PSU adalah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja.
- 2.2. Pada 5 Jun 2020, bantuan PSU telah dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
- 2.3. Pada **23 September 2020**, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif tambahan khas KITA PRIHATIN di mana bantuan PSU telah dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan bantuan PSU selama 6 bulan bagi semua permohonan baharu mulai Oktober 2020. Program PSU ini dikenali sebagai PSU2.0.

- 2.4. Program ini dikhkususkan kepada pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami kadar penurunan sekurang-kurangnya 30% atau lebih bagi nilai jualan atau pendapatan tahun semasa berbanding dengan tahun sebelumnya.
- 2.5. Program ini juga akan memastikan majikan tidak dibenarkan untuk membuang pekerja mereka yang bergaji RM4,000 dan ke bawah dalam tempoh menerima bantuan ini. Namun, majikan yang mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji pekerja selepas berunding dengan pekerja dan tertakluk kepada peraturan atau peruntukan undang-undang yang berkenaan, boleh terus menyertai program ini.
- 2.6. Bantuan PSU ini diharap dapat membantu majikan untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka dengan menyokong aliran tunai serta mengekalkan pekerja mereka dalam tempoh keadaan luar jangka. Langkah ini secara tidak langsung juga merupakan salah satu perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja bagi mengelakkan pengganguran dan kehilangan sumber pendapatan kesan daripada Covid-19 bagi meneruskan kelangsungan kehidupan mereka dan keluarga.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Program ini bertujuan untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat Covid-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengekalkan pekerja mereka dalam tempoh yang kritikal ini.
- 3.2 PSU ini akan dibayar kepada majikan yang memohon untuk melaksanakan pendekatan program ini.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Program PSU meliputi majikan sektor swasta yang mengalami kadar penurunan 30% atau lebih daripada nilai jualan atau pendapatan tahun

semasa, semasa tempoh Perintah Kawalan Pengerakan Pemulihan (PKPP) berbanding dengan tahun sebelumnya.

- 4.2 Selain itu, program ini meliputi juga majikan yang mempunyai pekerja yang bergaji bulanan sebanyak RM4,000 dan ke bawah dan telah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 September 2020.
- 4.3 Majikan dikehendaki telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM - Companies Commission of Malaysia) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum 1 September 2020.
- 4.4 Majikan hendaklah juga telah berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan mengemukakan nombor LHDN semasa membuat permohonan PSU2.0.
- 4.5 Tuntutan lanjutan PSU permohonan sedia ada adalah sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan dan permohonan baru yang berdaftar mulai 1 Oktober 2020 adalah sebanyak RM600 sebulan selama 6 bulan bagi setiap pekerja dan terhad kepada 200 orang pekerja sahaja bagi setiap majikan.
- 4.6 Majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini, mereka disyaratkan untuk mengekalkan semua pekerja mereka yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Tertakluk kepada peraturan atau peruntukan undang-undang yang berkenaan, majikan yang mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji **selepas berunding dengan pekerja** boleh terus menyertai program ini.
- 4.7 Tertakluk kepada perenggan 4.6, majikan yang sebelumnya melaksanakan langkah mengurangkan tenaga kerja atau cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji boleh memohon untuk PSU tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat lain di bawah PSU.
- 4.8 Program ini tidak meliputi pekerja yang telah diberhentikan kerja, pekerja sektor awam dan badan berkanun, mereka yang bekerja sendiri (tidak

mempunyai majikan) termasuk *freelancers*, pekerja asing, pegawai dagang dan pekerja yang telah menerima bantuan *Hiring Incentive*.

Syarat Kelayakan Bayaran dan Tempoh Layak

- 4.9 Permohonan lanjutan PSU yang telah diluluskan oleh PERKESO layak menerima sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk tempoh maksimum 3 bulan yang dibayar kepada majikan dan terhad kepada 200 orang pekerja sahaja.
- 4.10 Bagi permohonan baru mulai 1 Oktober 2020 yang telah diluluskan oleh PERKESO layak menerima sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk tempoh maksimum 6 bulan yang dibayar kepada majikan dan terhad kepada 200 orang pekerja sahaja.
- 4.11 Majikan hendaklah membuat pengisytiharan pendapatan semasa permohonan pertama dan memaklumkan sebarang perubahan bilangan pekerja, status perniagaan, atau apa – apa yang berkaitan sekiranya ada bagi setiap bulan berikutnya. Kegagalan majikan mengisytiharkan apa – apa perubahan boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil ke atas majikan tersebut.
- 4.12 Tuntutan PSU2.0 adalah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja adalah terhad kepada 200 orang pekerja sahaja bagi setiap majikan. Dalam keadaan di mana majikan yang mempunyai lebih daripada satu cawangan dan dianggap sebagai satu entiti di bawah SATU permohonan yang sama, maka jumlah bilangan pekerja yang layak adalah berdasarkan saiz pekerja majikan keseluruhan cawangan permohonan tersebut.
- 4.13 Majikan perlu membuat pengisytiharan PSU2.0 bahawa telah dan akan membayar gaji pekerja yang telah dipersetujui bersama semasa permohonan pertama PSU2.0 kepada PERKESO.

- 4.14 Majikan hendaklah membayar caruman PERKESO dan SIP seperti biasa semasa dan selepas menerima PSU2.0 sebagaimana gaji yang telah dipersetujui bersama pekerja setiap bulan.
- 4.15 Tertakluk kepada perenggan 4.14, majikan yang sebelumnya melaksanakan langkah mengurangkan tenaga kerja atau cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji boleh memohon untuk PSU2.0 tertakluk kepada memenuhi syarat – syarat lain di bawah PSU2.0.
- 4.16 Sekiranya majikan menarik diri dari permohonan PSU2.0 selepas permohonan diluluskan oleh PERKESO, majikan tersebut tidak layak untuk membuat permohonan semula atau mengaktifkan semula permohonan.
- 4.17 Bagi majikan yang telah membuat pembatalan semasa program di bawah PSU, majikan tersebut haruslah membuat pemulangan bantuan yang diterima sebelumnya dan permohonan PSU2.0 akan dianggap sebagai permohonan yang baharu. Dalam keadaan majikan masih tidak memulangkan bantuan yang diterima sebelumnya, maka PERKESO berhak untuk membuat penyelesaian dengan bantuan PSU2.0.

Tatacara Permohonan

- 4.18 Majikan hendaklah mengemukakan permohonan PSU secara *online* di prihatin.perkeso.gov.my
- 4.19 Majikan hendaklah memuat turun **Borang Pengisytiharan PSU2.0** untuk dilengkapkan sebelum dimuat naik ke dalam Portal Permohonan PSU beserta dokumen sokongan berikut:
 - i. **Lampiran 1** senarai maklumat pekerja (terhad kepada 200 orang pekerja sahaja) – hendaklah menggunakan format Microsoft Excel yang disediakan ([format selain Microsoft Excel adalah tidak diterima](#))
 - ii. Maklumat Akaun Bank Majikan (muka depan sahaja)
 - iii. Salinan pengenalan pendaftaran bank panel majikan/MyCOID

- iv. Salinan pendaftaran SSM/ROS/ROB
 - v. Akuan Pengisytiharan PSU2.0 (Terpakai pada semua saiz majikan)
- 4.20 Majikan hendaklah mengemukakan No LHDN dan membuat pengisytiharan pendapatan semasa permohonan pertama dan membuktikan penurunan pendapatan atau jumlah jualan sebanyak 30% atau lebih bagi bulan tahun 2019 berbanding dengan bulan yang sama (semasa tempoh PKPP) pada tahun 2020 (perubahan year on year).
- 4.21 Sekiranya majikan tidak mencukupi tempoh operasi untuk mengemukakan perubahan pendapatan atau jumlah jualan secara tahun ke tahun (year on year), majikan hendaklah membandingkan perubahan pendapatan atau jumlah jualan bagi bulan bermula beroperasi pada tahun berkenaan dengan bulan berikutnya semasa tempoh PKPP diisyiharkan. Dalam keadaan ini, bulan bermula beroperasi mestilah mencukupi satu bulan (30 hari).
- 4.22 Bagi bulan berikutnya, majikan hendaklah memaklumkan sebarang perubahan bilangan pekerja, status perniagaan, atau apa – apa yang berkaitan sekiranya ada bagi setiap bulan berikutnya.
- 4.23 Kegagalan majikan mengisytiharkan perubahan seperti di perenggan 4.22 boleh dikenakan tindakan undang – undang.

5. MEKANISMA BAYARAN DAN MEMPERAKAUNKAN TRANSAKSI BAYARAN PSU

- 5.1 Pelaksanaan bayaran PSU2.0 sebanyak RM600 sebulan tertakluk kepada tempoh maksimum 3 bulan bagi permohonan lanjutan dan 6 bulan bagi permohonan yang baru berdaftar akan dilaksanakan secara berpusat oleh Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat PERKESO menerusi Electronic Fund Transfer (EFT) ke akaun majikan dengan pengesyoran teratur untuk bayaran oleh Pegawai Sistem Insurans Pekerjaan.

- 5.2 Pengesyoran teratur untuk bayaran PSU2.0 dilaksanakan setelah Pegawai Sistem Insurans Pekerjaan berpuashati bahawa permohonan majikan telah memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan berkaitan PSU.
- 5.3 Pengesyoran bayaran PSU2.0 oleh Pegawai Sistem Insurans Pekerjaan ini akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat PERKESO melalui e-mel sip.payment@perkeso.gov.my bagi tujuan bayaran secara EFT.
- 5.4 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan ke Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat PERKESO adalah seperti berikut :
 - (i) Maklumat bayaran kepada majikan-majikan berdasarkan Borang PSU menggunakan format Microsoft Excel (Lampiran 2)
 - (ii) Borang PSU termasuk senarai tambahan menggunakan format Microsoft Excel
 - (iii) Salinan Penyata Akaun Bank Majikan beserta No Pendaftaran Majikan (ID Pengenalan Bank)
- 5.5 Pegawai Kewangan di Bahagian Kewangan akan menjana *textfield* bagi bayaran PSU2.0 berkenaan yang dihantar oleh Pegawai Sistem Insurans Pekerjaan menerusi e-mel atau *workbasket* bagi memperakaunkan transaksi bayaran di Sistem Perakaunan SAGA sebelum pemprosesan bayaran dilaksanakan secara EFT menerusi platform Maybank2e.
- 5.6 Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Sistem Insurans Pekerjaan untuk memastikan setiap permohonan tuntutan bayaran PSU2.0 yang diterima daripada majikan perlu disertakan dengan nombor akaun bank dan no ID pengenalan bank majikan bagi membolehkan pelaksanaan bayaran EFT secara berpusat oleh Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat PERKESO berjalan dengan lancar.

6. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN

- 6.1 PERKESO boleh menggantung (*suspend*) jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa majikan telah mengemukakan butir-butir, dokumen atau penyata yang palsu, tidak benar atau tidak tepat pada masa tuntutan atau dalam masa menerima bayaran PSU.
- 6.2 PERKESO hendaklah menjalankan suatu siasatan berkenaan dengan penggantungan tersebut. Sekiranya didapati majikan tidak melakukan sebarang kesalahan, bayaran PSU yang digantung hendaklah disambung semula serta-merta. Sekiranya terdapat pemalsuan atau maklumat tidak benar atau tidak tepat yang dikemukakan, bayaran PSU akan ditamatkan serta merta.

7. KUASA MELULUS

- 7.1 Kuasa bagi meluluskan permohonan PSU adalah tertakluk kepada kuasa memperakui dan meluluskan tuntutan faedah oleh Pegawai Sistem Insurans Pekerjaan mengikut kuasa melulus yang terpakai.
- 7.2 Kuasa dan had kuasa bagi melulus baucar bayaran, kuasa menerima wang, kuasa menyediakan dan membatalkan resit rasmi bagi Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO di bawah Akta 4 adalah turut terpakai bagi pelaksanaan bayaran PSU serta hendaklah mengikuti proses dan prosedur kewangan yang sedia ada. Sebarang perubahan pada kuasa dan had kuasa sedia ada bagi menyesuaikannya dengan pelaksanaan bayaran PSU akan dibuat pindaan dari semasa ke semasa, sekiranya perlu.


8. KEMUSYKILAN

- 8.1 Sebarang kemosykilan boleh dirujuk kepada Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan, Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan, Ibu Pejabat SIP Putrajaya bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan PSU.

- 8.2 Berkaitan dengan pengurusan pembayaran PSU, sebarang kemasukan boleh merujuk kepada Ketua Cawangan Kewangan Sistem Insurans Pekerjaan, Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat PERKESO.

9. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2020** dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.



(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 2 Oktober 2020